

**1Malaysia World Endurance Ride 2013 Dimensi Baharu Produk Pelancongan
Negara - Najib
Bernama
13 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melahirkan harapan agar pasukan '1Malaysia World Endurance Ride 2013' (1MWER 2013) yang dilancarkan Khamis dapat membuka dimensi baharu bagi produk pelancongan Negara, iaitu pelancongan bermotosikal.

Beliau berkata anggota pasukan 1MWER 2013 itu merupakan 'duta kembara' bagi Malaysia dalam usaha mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan menarik.

"Slogan 'Global Moderation for Peace' yang dibawa pasukan ini dapat mewakili negara membawa mesej keamanan dalam memperjuangkan kesederhanaan global bersesuaian dengan gagasan Gerakan Kesederhanaan Global," katanya.

Perdana menteri berkata demikian ketika berucap melancarkan program Kembara Dunia 1Malaysia dan melepaskan ekspedisi bermotosikal merentas dunia pasukan '1Malaysia World Endurance Ride 2013' di ibu negara.

Hadir sama pada majlis itu Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Pengerusi Bank Rakyat Tan Sri Sabbaruddin Chik.

Najib berkata pengembaraan pasukan itu yang meliputi lebih 50 buah negara, melangkaui perjalanan sejauh 50,000 kilometer dalam tempoh enam bulan merupakan satu cabaran amat besar dan berisiko tinggi kerana pelbagai kemungkinan boleh berlaku.

Menyedari hakikat itu, Najib, yang juga penaung program 1MWER 2013, meminta seluruh rakyat Malaysia agar memberi sokongan padu kepada pasukan berkenaan untuk mencipta rekod baharu dunia.

"Bersamalah kita berdoa semoga mereka semua selamat kembali ke tanah air untuk melakar satu lagi sejarah tentang keupayaan anak Melayu dan rakyat Malaysia dalam mencipta rekod dunia," katanya.

Najib berkata dalam usaha mencipta rekod baharu dunia, setiap anggota pasukan 1MWER 2013 bukan sahaja harus memiliki ketahanan mental dan fizikal, malah perlu membuat segala persiapan dengan teliti termasuk visa, perancangan perjalanan dan pemilihan kenderaan.

Rakyat Malaysia jangan hanya melihat usaha itu semata-mata untuk melakar rekod dunia, tetapi apa yang lebih penting ialah persediaan yang dilakukan pastinya dipacu oleh inovasi dan pengetahuan yang tinggi, katanya.

Pasukan 1MWER 213 terdiri daripada lima penunggang motosikal kuasa tinggi yang berpengalaman luas dalam dunia permotoran iaitu Datuk Zamri Mohamed, Rosmadi Saad, Mohd Ariffin Idris, Datuk Mohd Azhari Jemaon dan Mohd Faizal Sukree.

Misi pasukan itu untuk mengelilingi 50 buah negara akan bermula pada 15 Jun ini dengan berlepas dari Kuala Lumpur menuju sempadan Malaysia-Thailand.

Mereka kemudian meneruskan perjalanan ke negara di benua Asia, diikuti Eropah, Amerika Utara, Kanada, Amerika Selatan, Jepun dan Singapura sebelum kembali ke tanah air.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955813>